



**KENYATAAN MEDIA
YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN
DAN
MENTERI KEWANGAN II
NEGERI SABAH**


28 DISEMBER 2021

A LAPORAN HARIAN KES JANGKITAN COVID-19

- 1 Berdasarkan laporan Jabatan Kesihatan Negeri Sabah, jumlah kes positif baharu COVID-19 pada hari ini adalah sebanyak 168 kes, menjadikan jumlah kumulatif sebanyak 239,883 kes. Satu (1) kes kematian dilaporkan pada hari ini iaitu di daerah Kota Kinabalu. Bilangan kematian ini tidak semestinya berlaku dalam tempoh 24 jam. Ada kes kematian yang mengambil masa untuk verifikasi dan dilaporkan kemudian daripada tarikh sebenar. Takziah diucapkan kepada keluarga yang terlibat.
- 2 Bilangan pesakit COVID-19 sembah ialah 326 (termasuk yang discaj dari hospital/PKRC) menjadikan jumlah kumulatif 232,915 orang. Manakala 655 pesakit sedang menerima rawatan iaitu 361 orang di hospital, 292 orang di Pusat Kuarantin dan Rawatan Berisiko Rendah (PKRC) Awam dan dua (2) orang di Pusat Tahanan Sementara (PTS) / Penjara. Bilangan pesakit yang memerlukan penjagaan kritikal ialah 35 orang merangkumi 33 di ICU/repurposed kritikal care serta dua (2) di *open ward (HDW/kubikel akut)* dan 10 orang lagi memerlukan alat bantuan pernafasan (*ventilated*). Manakala bilangan pesakit *stage empat* (4) dan lima (5) yang masih belum lengkap vaksin ialah 16 (19.75%).

3

Kes-kes jangkitan COVID-19 pada hari ini mengikut daerah adalah seperti berikut:



Lahad Datu berubah dari zon kuning ke zon jingga.

4

Pecahan daerah mengikut zon:

- Zon Kuning tujuh (7) daerah.
- Zon Jingga enam (6) daerah.
- Zon Merah 14 daerah.

5 Analisa Harian COVID-19 Negeri Sabah.

i. **Kedudukan Kes Positif COVID-19**

- a. Jumlah kes harian kembali naik hari ini dengan pertambahan sebanyak 43 kes berbanding semalam menjadikan jumlah kes baharu Negeri Sabah 168 kes.
- b. Banyak daerah mencatat kes baharu hari ini walaupun dalam jumlah yang agak kecil. Terdapat lapan (8) daerah mencatatkan kes dua (2) angka iaitu Kota Kinabalu 21 kes, Penampang 18 kes, Kota Belud 17 kes, Putatan 16 kes, Keningau 12 kes, Ranau 11 kes, Tuaran 11 kes dan Sipitang 10 kes. 14 lagi daerah mencatatkan jumlah kes pada kadar satu (1) angka dan lima (5) daerah tidak mencatat sebarang kes baharu.
- c. Semalam cuma tiga (3) daerah mencatat jumlah kes dua (2) angka, 16 daerah mencatat kes baharu satu (1) angka dan lapan (8) daerah tanpa sebarang kes baharu.
- d. Seramai 162 orang daripada 168 pesakit baharu hari ini berada dalam Kategori 1 dan 2, tiga (3) orang dalam Kategori 3, dua (2) orang dalam Kategori 4 dan tidak ada pesakit baharu dalam Kategori 5. Kes yang melibatkan seorang pesakit lagi masih dalam penilaian JKNS.
- e. Seluruh daerah di Negeri Sabah mencatatkan perubahan angka kes positif COVID-19 yang tidak statik dengan jumlah catatan sebanyak (90) kes daripada Saringan Kontak Rapat, dapat disimpulkan masih terdapat kebarangkalian tinggi berlakunya aktiviti ketidakpatuhan SOP yang telah digariskan sungguhpun pelbagai seruan dan saranan telah dilakukan oleh pihak Kerajaan.

ii. Perincian Kes COVID-19 Hari Ini

a. Bilangan kes positif COVID-19 hari ini diperolehi melalui saringan pelbagai kategori seperti yang ditunjukkan jadual di bawah:

Bil.	Kategori Saringan	Bilangan Kes	Peratusan
1	Kluster	3	1.79%
2	Bergejala	64	38.10%
3	Kontak	90	53.57%
4	Bersasar	0	0.00%
5	Lain-lain Saringan	11	6.54%
JUMLAH		168	100%

b. Kes Positif COVID-19 hari ini dengan perbandingan kes semalam (27 Disember 2021) adalah seperti jadual yang ditunjukkan di bawah:

Bil.	Daerah	Catatan Kes 27/12/2021	Catatan Kes 28/12/2021	Perbandingan
1	Penampang	7	18	+11
2	Putatan	5	16	+11
3	Keningau	7	12	+5
4	Beaufort	4	9	+5
5	Papar	2	7	+5
6	Kota Marudu	5	9	+4
7	Tenom	0	4	+4
8	Ranau	8	11	+3
9	Sipitang	7	10	+3
10	Lahad Datu	3	5	+2
11	Kudat	3	4	+1
12	Sandakan	2	3	+1
13	Tambunan	2	3	+1
14	Beluran	1	2	+1
15	Pitas	0	1	+1
16	Nabawan	0	1	+1
17	Tawau	0	1	+1
18	Telupid	0	1	+1
19	Kuala Penyu	2	2	Mendatar
20	Kunak	0	0	Mendatar
21	Tongod	0	0	Mendatar
22	Semporna	0	0	Mendatar
23	Tuaran	23	11	-12
24	Kota Kinabalu	23	21	-2
25	Kota Belud	19	17	-2
26	Kalabakan	1	0	-1
27	Kinabatangan	1	0	-1
JUMLAH		125	168	+43

c. Punca mempengaruhi kes positif COVID-19 hari ini mengikut daerah dan kategori kes adalah seperti yang ditunjukkan jadual di bawah:

Daerah	Kategori Kes					Bilangan Kes Baharu	Kes Terkumpul 15 Hari (14 Disember – 27 Disember)
	Saringan Kluster	Saringan Kontak	Saringan Bergejala	Saringan Bersasar	Lain-lain Saringan		
Kota Kinabalu	3	8	10	0	0	21	407
Penampang	0	12	4	0	2	18	183
Kota Belud	0	9	7	0	1	17	190
Putatan	0	10	6	0	0	16	104
Keningau	0	5	4	0	3	12	72
Tuaran	0	10	1	0	0	11	328
Ranau	0	9	1	0	1	11	197
Sipitang	0	9	1	0	0	10	39
Kota Marudu	0	6	3	0	0	9	61
Beaufort	0	3	5	0	1	9	70
Papar	0	1	6	0	0	7	138
Lahad Datu	0	4	1	0	0	5	21
Kudat	0	0	4	0	0	4	31
Tenom	0	1	2	0	1	4	79
Sandakan	0	0	3	0	0	3	79
Tambunan	0	1	1	0	1	3	53
Kuala Penyu	0	1	1	0	0	2	59
Beluran	0	0	2	0	0	2	26
Tawau	0	0	0	0	1	1	28
Nabawan	0	0	1	0	0	1	12
Pitas	0	0	1	0	0	1	12
Telupid	0	1	0	0	0	1	10
Kinabatangan	0	0	0	0	0	0	10
Kalabakan	0	0	0	0	0	0	4
Semporna	0	0	0	0	0	0	7
Tongod	0	0	0	0	0	0	22
Kunak	0	0	0	0	0	0	1
JUMLAH	3	90	64	0	11	168	2,243

d. Catatan Kes Positif baharu COVID-19 hari ini melalui saringan mengikut daerah dan nama kluster adalah seperti yang ditunjukkan jadual di bawah:

Daerah	Nama Kluster	Jumlah Kes Baharu
Kota Kinabalu	Kluster Bahtera Kinabalu	3
Jumlah		3

6 Tiada **kluster baharu** direkodkan hari ini.

7 Jumlah kapasiti katil 4,217 unit

- Hospital 1,330 unit.
- Pusat Kuarantin dan Rawatan Berisiko Rendah (PKRC) Awam 2,697 unit.
- Pusat Tahanan Sementara (PTS) / Penjara 162 unit.
- Hospital Swasta 28 Unit

Jumlah peratusan penggunaan katil ialah 15.53%

B KOMPOSISI KES POSITIF COVID-19 PADA 28 DISEMBER 2021

i. Tempatan/Import/Tahanan

Import/Tempatan	
Tempatan	168
Import A (Jangkitan Luar Malaysia)	0
Import B (Jangkitan Luar Sabah)	0
Orang Dalam Tahanan /Banduan	3
Jumlah	168

ii. Kewarganegaraan

Kewarganegaraan	
Malaysia	164
Bukan Malaysia	4
Jumlah	168

iii. Status Vaksinasi

Status Vaksinasi	
Belum Layak Vaksin (Bawah 12)	38
Belum Menerima Vaksin	4
Menerima 1 Dos	0
Lengkap 2 Dos	117
Lengkap 2 Dos + Dos Penggalak	9
Jumlah	168

iv. Umur

Umur (Tahun)	
<1	4
1 to 5	21
6 to 11	13
12 to 17	6
18 to 25	24
26 to 59	88
>60	12
Jumlah	168

C STATISTIK VAKSINASI NEGERI SABAH

- 1 Penduduk Sabah yang menerima vaksin pada 27 Disember 2021 (menurut data daripada PICK Sabah) adalah seramai 2,325 orang. Daripada jumlah ini, seramai 2,257 orang adalah penduduk dewasa dan 68 orang adalah penduduk remaja.
- 2 Kumulatif penduduk Sabah yang telah menerima vaksin dos 1 setakat 27 Disember 2021 adalah seramai 2,448,108 orang. Ini meliputi 2,112,095 orang penduduk dewasa bersamaan dengan 76.57% jumlah penduduk dewasa. Manakala bagi penduduk Sabah yang menerima dos lengkap adalah seramai 2,401,934 orang. Daripada jumlah ini, seramai 2,091,118 orang atau 75.81% adalah penduduk dewasa.
- 3 Seramai 336,013 orang atau 77.42% penduduk remaja telah menerima 1 dos vaksin, manakala penduduk remaja yang telah lengkap dos vaksin adalah seramai 310,816 atau 71.62% orang setakat ini.

D BANTUAN BAKUL MAKANAN (FOOD BASKET)

Setakat hari ini, sejumlah **679,864** bakul makanan telah diagihkan kepada golongan yang terkesan di bawah Program Bantuan Prihatin COVID-19 3.0.

E LAPORAN SEKATAN JALAN RAYA (SJR), PENGUATKUASAAN PERAIRAN SABAH, PBT, SANITASI DAN HEBAHAN AWAM *INFO ON WHEELS*

- 1 Sejumlah 11 SJR dilaksana dalam tempoh 24 jam, melibatkan pemeriksaan 7,894 buah kenderaan. Daripada jumlah tersebut, tiada kenderaan diarah berpatah balik. Pada hari ini, PDRM melaksanakan 45 hebahan melalui kereta peronda dan tiada tangkapan dibuat.
- 2 Tiada kompaun melanggar SOP COVID-19 dikeluarkan di seluruh Sabah.
- 3 Penguatuasaan SOP turut dijalankan di perairan laut Sabah oleh Pasukan Polis Marin dan Agensi Penguatuasaan Maritim Malaysia (APMM) melibatkan 138 pemeriksaan di kawasan Pantai Timur dan 26 pemeriksaan di perairan Kota Kinabalu dan Labuan. Hasil pemeriksaan tiada tangkapan dibuat.

4

Laporan Pihak Berkuasa Tempatan

- i Sebanyak 926 premis perniagaan telah diperiksa oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) di bawah kawalan Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan.Tiada kompaun dikeluarkan oleh PBT. Sebanyak satu (1) notis/amaran dikeluarkan di daerah Ranau.
 - ii DBKK telah menjalankan pematuhan SOP ke atas 228 premis perniagaan dan 287 individu di 18 kawasan. Dua (2) kompaun dikenakan ke atas individu dengan kesalahan individu gagal mendaftar masuk premis menggunakan aplikasi MySejahtera atau Buku Pendaftaran di Halal Pau Pak Ali, Sunny Supermarket Tanjung Aru dan MSU College Sabah, Library & Resources Centre.Satu (1) kompaun dikenakan ke atas premis dengan kesalahan tiga (3) orang pekerja tidak memakai pelitup muka dan satu (1) orang pekerja tidak mendaftar MySejahtera.
- 5 Rondaan Agen Basmi COVID-19 (ABC-19) dan Rondaan Pemantauan Pematuhan SOP Peringkat Komuniti oleh Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM) telah dilaksanakan di 246 Premis Perniagaan melibatkan 132 anggota APM. Tiada Notis Amaran dikeluarkan kepada premis perniagaan hari ini.
- 6 Sementara, rondaan sama oleh Jabatan Sukarelawan Malaysia (RELA) dilaksanakan melibatkan 121 anggota di 222 lokasi.
- 7 Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Sabah telah melaksanakan sanitasi awam di satu (1) premis, melibatkan satu (1) buah BBP pada hari ini.
- 8 Sejumlah 50 hebahan awam di bawah program Info On Wheels Jabatan Penerangan Malaysia Sabah dilaksanakan di dua (2) daerah pada hari ini.
- 9 Hebahan umum turut dilaksanakan oleh Unit Promosi Kesihatan Jabatan Kesihatan Negeri Sabah sebanyak 95 hebahan di seluruh Sabah.

F KADAR PEMATUHAN PENDUDUK TERHADAP SOP PELAN PEMULIHAN NEGARA FASA 4

- 1 Kadar pematuhan penduduk terhadap SOP Pelan Pemulihan Negara Fasa 4 pada hari ini ialah **98.4%**. Pecahan mengikut daerah adalah seperti berikut:

BIL	DAERAH	PERATUS
1	Kunak	98.7%
2	Kudat	98.6%
3	Kinabatangan	98.6%
4	Sipitang	98.6%
5	Kota Kinabalu	98.5%
6	Keningau	98.5%
7	Tenom	98.4%
8	Beluran	98.4%
9	Beaufort	98.4%
10	Kota Marudu	98.4%
11	Sandakan	98.4%
12	Kota Belud	98.4%
13	Papar	98.3%
14	Tawau	98.3%
15	Lahad Datu	98.3%
16	Ranau	98.2%
17	Penampang	98.2%
18	Semporna	98.2%
19	Tuaran	98.2%

- 2 Semangat perpaduan dan kesatuan rakyat merupakan kunci utama untuk keluar dari kemelut pandemik COVID-19.

Sekian.

#SabahMajuJaya

#KeluargaMalaysia

#LindungDiriLindungSemua

YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN

DAN

MENTERI KEWANGAN II